

<p>PRODUCT DISCLOSURE SHEET</p> <p>Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the GX Biz FlexiLoan. Be sure to also read GXBank's Terms and Conditions Governing Business Banking Products and Services.</p>	<p>GX Biz FlexiLoan ("FlexiLoan")</p> <p>GX Bank Berhad ("Bank") As at 17 December 2024</p>
<p>1. What is this product about?</p>	
<p>FlexiLoan is a revolving credit facility offered to business customer borrowers that aims to improve their cash flow in a flexible manner, to facilitate general working capital needs or capital expenditure over a short financing period.</p> <p>It provides borrowers with a master limit, and the flexibility to borrow (drawdown) at any time (within the availability of the master limit). Each drawdown is repaid in monthly instalments over the loan tenure selected.</p> <p>This facility has a distinctive feature to allow borrowers to reduce interest charges by making early repayments. The flexibility is useful especially when businesses have windfalls from their business operations, or extra injection of capital/funds to repay the loan sooner. Its daily-rest interest calculation will reduce the interest charges as the principal portion gets repaid.</p>	
<p>2. What do I get from this product?</p>	
<p>FlexiLoan has the following features:</p> <p>General features</p> <p>(a) Multiple drawdowns within the approved facility limit (up to 10 (ten) outstanding drawdowns). The bank may change the maximum number of outstanding drawdowns by giving notice to the borrower;</p> <p>(b) Same-day disbursal upon drawdown;</p> <p>(c) Monthly instalment for the tenure chosen;</p> <p>(d) Daily-rest interest calculation.</p> <p>Credit Limit</p> <p>(a) FlexiLoan tenure: <Tenure Granted>, or any other period specified by the Bank - continuous availability and/or renewal of facility are subjected to periodic review by the Bank;</p> <p>(b) Minimum limit: RM1,000 (one thousand Ringgit);</p> <p>(c) Maximum limit: RM150,000 (one hundred and fifty thousand Ringgit), subject to credit approval by the Bank.</p> <p>Each drawdown/utilisation</p> <p>(a) Minimum drawdown: RM1,000 (one thousand Ringgit);</p> <p>(b) Maximum drawdown: Up to the remaining Credit Limit;</p> <p>(c) Utilisation tenure: From 2 (two) up to 84 (eighty-four) months, or any other period specified by the Bank.</p> <p>Illustration</p> <p>Master Limit granted: RM100,000.00</p> <p><u>Interest Rate example 1:</u></p> <p>(a) Interest Rate: 10.0% per annum (p.a.) i.e. 0.0274% per day</p> <p>(b) Drawdown details:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Amount: RM70,000 • Drawdown Tenure: 12 months • Monthly instalment: RM6152.77 • Remaining Limit after Drawdown: RM30,000 <p>(Assuming no early repayments)</p>	

Total amount that would be paid by borrower: RM73,833.31
Total interest charged: RM73,833.31 - RM70,000 = RM3,833.31

Interest Rate example 2:

(a) Interest Rate: 14.6% per annum (p.a.) i.e. 0.0400% per day

(b) Drawdown details:

- Amount: RM70,000
- Drawdown Tenure: 12 months
- Monthly instalment: RM6302.88
- Remaining Limit after Drawdown: RM30,000

(Assuming no early repayments)

Total amount that would be paid by borrower: RM75,634.52

Total interest charged: RM75,634.52 - RM70,000 = RM5,634.52

DISCLAIMER:

1. Please note that the above interest rates are indicative only.
2. The final approved amount of your FlexiLoan and interest rate are subject to the Bank's assessment and may differ from the above illustration.
3. Figures displayed are for illustration purposes only

3. What are my obligations?

- (a) To make instalment payments due regularly.
- (b) To pay interest charged on a daily rest based on your utilisation amount.
- (c) To ensure that the total amount of drawdown does not exceed the approved master limit at any time.
- (d) To pay the entire outstanding sum of all the drawdowns including principal, interest and any other monies owing to the Bank, on demand or upon termination or cancellation of the FlexiLoan by the Bank.

4. What are the fees and charges I have to pay?

The facility may attract the following fees and charges whenever applicable, but not limited to:

Fees and Charges	Description
Late Payment Charges	In the event that the borrower has defaulted on any due payment, the amount overdue will be charged a Late Payment Charge of 1% per annum on a daily rest basis.
Line Commitment Charges (annual)	The Bank will waive/not charge Line Commitment Charge until further notice. Line Commitment Charge of 1% may be imposed onto any Unutilised amount of the Credit Limit (to keep the Credit Limit active), after FlexiLoan is activated by the borrower.
Early Settlement Fees	The Bank will not charge any early settlement fees for borrowers to settle earlier than initially decided at the point of drawdown.
Stamp Duties as per the Stamp Duty Act 1949 (Revised 1989)	For every loan drawdown or activation of FlexiLoan that is stamped and charged stamp duty by Lembaga Hasil Dalam Negeri ("LHDN"), the Bank may charge the same amount to the borrower.

The Bank may choose to waive these fees at its discretion.

5. How will the disbursement of the facility be made?

Drawdowns will be disbursed to the deposit account (GX Biz Account) that the borrower has opened and maintained with the Bank.

6. What if I failed to fulfil my obligations?

Conditions	Description
Late Payment Charge	1% per annum on any overdue instalment of the loan, from the date of default until the date of full payment, both after and before any demand or judgement.
Right to set-off	The Bank has the right to set-off any deposit balance in your account maintained with us against any outstanding balance in this loan account.
Right to commence recovery or legal action	Legal action will be taken against you and/or guarantors (if applicable) if you fail to respond to reminder notices. The Bank may exercise its rights under FlexiLoan to commence its recovery process/legal action against you and/or guarantors (if applicable). The Bank has the right to initiate bankruptcy/ winding up proceedings upon occurrence of any events of defaults. <i>Note: Legal action against you may affect your credit rating leading to adverse credit position or causing extra costs on you</i>
Right to reject/recall the facility	The Bank reserves its right to reject any further drawdowns or recall the facility granted to you in the event there is any indication of change in your creditworthiness or ability to service the FlexiLoan.

7. What are the possible/major risks?

- (a) If you do not honour your repayment obligation, in addition to the outstanding amount due, you will be liable for all costs and expenses incurred for the legal action to be taken against you.
- (b) Where a borrowing entity is a sole proprietor or partnership, the liability automatically extends to the individual owner/partners of the entity.

8. What if I fully settle the loan before its maturity?

- (a) There is no lock-in period or prepayment penalty.
- (b) Further interest charges would no longer be incurred onto any fully settled loan.

9. Do I need a guarantor or collateral?

- (a) Collateral: No. FlexiLoan is a collateral free loan.
- (b) Guarantee: No guarantee required.

10. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform the Bank of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

Please log in to the GX Bank mobile application (“**GX App**”) to update your contact details.

11. Where can I get assistance and redress?

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives. To make a complaint on products or services offered, you may contact us at via the following channels:

GX Bank Berhad

(Company Registration No. 202101014409 (1414709-A))

In-app Live Chat: Log in to the GX App and select "Live Chat"

Customer Support Hotline: +603 7498 3188

Customer Support Email: ask@gxbank.my

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia (“**BNM**”) at:

BNM LINK or BNMTELELINK

Blok D, Bank Negara Malaysia,

Jalan Dato’ Onn,

50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465

E-link / Web form: <https://bnmlink.bnm.gov.my>

Alternatively, you may seek the services of Agency Kaunseling dan Pengurusan Kredit (“**AKPK**”), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services and money management, credit counselling, financial education and debt restructuring for SMEs. You can contact AKPK at:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Level 5 and 6,

Menara Aras Jaya (formerly known as Menara Bumiputra-Commerce),

Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur.

Operating Hours: 9:00 a.m. – 5:00 p.m. (Monday – Friday)

Telephone: 03-2616 7766

Web form: <https://mybijakkewangan.akpk.org.my/#/general-enquiry>

Website: www.akpk.org.my

12. Where can I get further information?

For further information on the FlexiLoan, you may visit our website at www.gxbank.my or contact our Customer Service at +603 7498 3188.

13. Other product packages available?

Not available.

IMPORTANT NOTE:

LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU, AND/OR LIQUIDATION OF YOUR DEPOSIT WILL HAPPEN, IF YOU FAIL TO SERVICE YOUR PAYMENT FOR THE FACILITY ON REGULAR BASIS.

The information provided in this disclosure sheet is valid as of 17 December 2024.

<p>LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil pinjaman melalui GX Biz FlexiLoan. Pastikan anda juga membaca Terma dan Syarat GXBank yang Mentadbir Produk and Perkhidmatan Perbankan Perniagaan.</p>	<p>GX Biz FlexiLoan (“FlexiLoan”)</p> <p>GX Bank Berhad (“Bank”) Setakat 17 Disember 2024</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>FlexiLoan adalah fasiliti kredit pusingan yang ditawarkan kepada peniaga untuk meminjam dalam usaha meningkatkan aliran tunai dengan cara yang fleksibel untuk memenuhi keperluan modal kerja am, atau untuk perbelanjaan modal dalam tempoh pembiayaan yang singkat.</p> <p>Kemudahan pembiayaan ini menyediakan peminjam dengan had induk, dan kebebasan untuk membuat pengeluaran pada bila-bila masa (tertakluk kepada had induk yang sedia ada). Setiap pengeluaran dibayar kembali dalam bentuk ansuran bulanan mengikut tempoh pinjaman yang dipilih.</p> <p>Fasiliti ini mempunyai ciri unik yang membolehkan peminjam untuk mengurangkan caj faedah dengan membuat bayaran balik lebih awal. Fleksibiliti ini amat berguna apabila perniaga mendapat hasil tambahan daripada operasi perniagaan, atau suntikan modal tambahan yang membolehkan pinjaman diselesaikan lebih awal. Dengan pengiraan faedah berdasarkan baki harian, caj faedah akan berkurangan seiring dengan pengurangan prinsipal pinjaman.</p>	
<p>2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?</p>	
<p>FlexiLoan mempunyai tawaran berikut:</p> <p>Ciri asas</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pengeluaran berkali-kali dibawah had induk yang dibenarkan (sehingga 10 kali pengeluaran). Bank mungkin mengubah angka pengeluaran maksimum dengan memberikan notis awal kepada peminjam; (b) Pengeluaran dana pada hari yang sama selepas diluluskan; (c) Ansuran bulanan mengikut tempoh pinjaman yang dipilih; (d) Pengiraan caj faedah berdasarkan baki harian. <p>Had kredit</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Tempoh pinjaman FlexiLoan: <Tempoh yang diberikan>, atau sebarang tempoh yang dimaklumkan oleh Bank - penawaran berterusan dan/atau pembaharuan untuk fasiliti adalah berdasarkan kepada semakan berkala oleh pihak Bank; (b) Had minima: RM1,000 (satu ribu Ringgit); (c) Had maksima: RM150,000 (satu ratus lima puluh ribu Ringgit), tertakluk kepada kelulusan kredit oleh pihak Bank. <p>Pengeluaran / Penggunaan</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pengeluaran minima: RM1,000 (satu ribu Ringgit); (b) Pengeluaran maksima: Mengikut baki had kredit; (c) Penggunaan tempoh pinjaman: Dari 2 (dua) ke 84 (lapan puluh empat) bulan, atau tempoh yang ditentukan oleh Bank. <p>Contoh</p> <p>Had Induk yang diluluskan : RM100,000.00 (satu ratus ribu Ringgit)</p> <p><u>Contoh kiraan kadar faedah 1:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kadar faedah: 10.0% setahun (p.a.) iaitu 0.0274% sehari 	

(b) Butiran pengeluaran:

- Jumlah: RM70,000
- Tempoh pengeluaran: 12 bulan
- Ansuran bulanan: RM6152.77
- Had baki selepas pengeluaran: RM30,000

(Sekiranya mengandaikan tiada bayaran penyelesaian awal)

Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh peminjam: RM73,833.31

Jumlah faedah yang dikenakan: RM73,833.31 - RM70,000 = RM3,833.31

Contoh kiraan kadar faedah 2:

(a) Kadar faedah: 14.6% setahun (p.a.) iaitu 0.0400% sehari

(b) Butiran pengeluaran:

- Jumlah: RM70,000
- Tempoh pengeluaran: 12 bulan
- Ansuran bulanan: RM6302.88
- Had baki selepas pengeluaran: RM30,000

(Sekiranya mengandaikan tiada bayaran penyelesaian awal)

Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh peminjam: RM75,634.52

Jumlah faedah yang dikenakan: RM75,634.52 - RM70,000 = RM5,634.52

Penafian:

1. *Sila ambil perhatian bahawa kadar faedah di atas hanyalah sebagai indikasi sahaja.*
2. *Jumlah akhir yang diluluskan untuk FlexiLoan dan kadar faedah adalah tertakluk kepada penilaian oleh Bank dan mungkin berbeza daripada contoh di atas.*
3. *Nombor yang dipaparkan adalah untuk tujuan contoh sahaja.*

3. Apakah kewajipan saya?

- (a) Membuat pembayaran ansuran secara berkala.
- (b) Membuat pembayaran caj faedah berdasarkan baki harian mengikut jumlah penggunaan anda.
- (c) Memastikan jumlah keseluruhan pengeluaran tidak melebihi had induk yang diluluskan pada sesuatu masa.
- (d) Membayar keseluruhan jumlah tertunggak bagi semua pengeluaran termasuk prinsipal, faedah dan sebarang wang lain yang terutang kepada Bank, apabila diminta atau semasa penamatan atau pembatalan FlexiLoan oleh Bank.

4. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

Kemudahan fasiliti ini mungkin dikenakan yuran dan caj berikut mengikut kesesuaian, tetapi tidak terhad kepada:

Yuran dan Caj	Penerangan
Caj Bayaran Lewat	Sekiranya peminjam gagal membuat sebarang pembayaran yang tertunggak, jumlah yang tertunggak akan dikenakan Caj Bayaran Lewat sebanyak 1% setahun berdasarkan pengiraan faedah harian.
Caj Komitmen Had Kredit (Tahunan)	Bank akan mengecualikan/tidak mengenakan Caj Komitmen Had Kredit sehingga pemberitahuan selanjutnya. Caj Komitmen Had Kredit sebanyak 1% mungkin dikenakan ke atas mana-mana jumlah Had Kredit yang tidak digunakan (untuk memastikan Had Kredit kekal aktif), selepas FlexiLoan diaktifkan oleh peminjam.
Yuran Penyelesaian Awal	Bank tidak akan mengenakan sebarang yuran penyelesaian awal bagi peminjam yang membuat pembayaran lebih awal daripada tempoh yang dipersetujui ketika pengeluaran.
Caj Setem mengikut	Bagi setiap pengeluaran pinjaman atau pengaktifan FlexiLoan yang dikenakan setem

Akta Setem 1949
(Pindaan 1989)

dan duti setem oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ("LHDN"), Bank boleh mengenakan jumlah yang sama kepada peminjam.

Bank mungkin memilih untuk mengecualikan yuran-yuran ini mengikut budi bicara mereka.

5. Bagaimana penyaluran fasiliti dilaksanakan?

Pengeluaran akan disalurkan ke akaun deposit (Akaun GX Biz) yang telah dibuka dan dikekalkan oleh peminjam dengan Bank.

6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?

Perkara	Penerangan
Caj Bayaran Lewat	1% setahun atas mana-mana ansuran pinjaman yang tertunggak, dari tarikh kegagalan pembayaran sehingga tarikh penyelesaian penuh, sama ada selepas atau sebelum sebarang permintaan atau penghakiman.
Hak pengimbangan	Bank mempunyai hak untuk mengimbangkan sebarang baki deposit dalam akaun anda yang dikekalkan bersama kami terhadap sebarang baki tertunggak pada akaun pinjaman ini.
Hak untuk memulakan tindakan pemulihan atau tindakan undang-undang	Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan) sekiranya anda gagal untuk memberikan respon kepada notis peringatan. Bank boleh menggunakan haknya di bawah FlexiLoan untuk memulakan proses pemulihan/tindakan undang-undang terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan). Bank mempunyai hak untuk memulakan prosiding muflis/penutupan syarikat apabila berlakunya sebarang peristiwa kegagalan. <i>Nota: Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin memberi kesan kepada penarafan kredit anda, menyebabkan kedudukan kredit yang tidak baik atau menambah kos tambahan kepada anda.</i>
Hak untuk menolak/menarik balik kemudahan	Bank berhak menolak sebarang pengeluaran lanjut atau menarik kembali kemudahan yang diberikan kepada anda sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam kelayakan kredit atau keupayaan anda untuk membayar balik FlexiLoan.

7. Apakah risiko yang mungkin berlaku?

- Sekiranya anda gagal memenuhi kewajipan pembayaran, selain daripada jumlah tertunggak, anda akan bertanggungjawab ke atas semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda.
- Sekiranya syarikat atau entiti peminjam adalah pemilikan tunggal atau perkongsian, liabiliti akan secara automatik melibatkan pemilik individu/ rakan kongsi entiti tersebut.

8. Bagaimana sekiranya saya selesaikan pinjaman sebelum tempoh matang?

- (a) Tiada penalti atau tempoh terikat untuk penyelesaian awal.
- (b) Caj faedah lanjut tidak akan dikenakan ke atas mana-mana pinjaman yang telah diselesaikan sepenuhnya.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- (a) Cagaran: Tidak. FlexiLoan adalah pinjaman yang bebas cagaran.
- (b) Penjamin: Tiada penjamin diperlukan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan Bank mengenai sebarang perubahan pada butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dalam masa yang tepat.

Sila log masuk ke aplikasi GX Bank (“**GX App**”) untuk mengemas kini butiran anda.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat?

Sekiranya anda menghadapi sebarang kesukaran dalam melakukan pembayaran kembali, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif untuk pembayaran. Untuk aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami melalui saluran berikut:

GX Bank Berhad

(No. Pendaftaran Syarikat 202101014409 (1414709-A))

Bantuan melalui aplikasi: Log masuk ke GX App dan pilih “Live Chat”

Talian Sokongan Pelanggan: +603 7498 3188

Emel Sokongan Pelanggan: ask@gxbank.my

Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak kami selesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia (BNM) di:

BNM LINK atau BNMTELELINK

Blok D, Bank Negara Malaysia,

Jalan Dato’ Onn,

50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465

E-link / Web: <https://bnmlink.bnm.gov.my>

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (“AKPK”), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma dalam pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk Perusahaan kecil dan sederhana. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Level 5 dan 6,

Menara Aras Jaya (dulu dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),

Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur.

Waktu operasi: 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat)

Telefon: 03-2616 7766

Borang Web: <https://mybijakkewangan.akpk.org.my/#/general-enquiry>

Web rasmi: www.akpk.org.my

12. Dimana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut mengenai FlexiLoan, anda boleh melawat laman web kami di www.gxbank.my atau menghubungi Khidmat Pelanggan kami di +603 7498 3188.

13. Adakah terdapat sebarang pakej produk lain?

Tiada

**NOTA PENTING:
TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA, DAN/ATAU PELUCUTAN DEPOSIT ANDA AKAN BERLAKU, JIKA ANDA GAGAL MEMBAYAR PEMBAYARAN BAGI KEMUDAHAN INI SECARA BERKALA.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran maklumat produk ini adalah sah setakat 17 Disember 2024.